

16/08/2003

Swaziland minat konsep rumah terbuka

BUDAYA mengadakan rumah terbuka yang menjadi amalan masyarakat Malaysia, kini diperkenalkan di benua Afrika menerusi Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID)-Global 2003 di sini.

Sesi rumah terbuka itu diadakan petang kelmarin atas inisiatif Swaziland, selaku tuan rumah SAID-Global 2003. Inilah pertama kali sesi berkenaan diadakan sejak dialog perkongsian pintar itu diperkenalkan di Langkawi pada 1995.

SAID-Global 2003 itu dihadiri lebih 600 perwakilan dari lebih 16 negara, termasuk sembilan ketua negara dan kerajaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai lebih 70 perwakilan Malaysia pada dialog lima hari itu yang dirasmikan Raja Swaziland, Raja Mswati III, Rabu lalu.

Selain Dr Mahathir dan Raja Mswati, ketua kerajaan lain yang menghadirinya termasuk Presiden Namibia Dr Sam Nujoma, Presiden Zimbabwe Robert Mugabe, Presiden Botswana Festus G Mogae, Presiden Gambia Yahya J J Jammeh, Presiden Ghana John A Kufour dan Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano.

Pada sesi itu, Dr Mahathir yang diminta menjelaskan mengenai konsep rumah terbuka, berkata amalan itu berasal daripada budaya kunjung mengunjungi yang diamalkan masyarakat Melayu pada sambutan hari raya.

Perdana Menteri berkata, pada awalnya amalan itu cuma membabitkan keluarga dan rakan terdekat, tetapi lama kelamaan majlis itu terbuka untuk semua dan terus berkembang hingga pelancong asing turut diundang.

Beliau berkata, amalan yang menjadi budaya masyarakat Melayu itu juga menjadi ikutan kaum lain di Malaysia, termasuk Cina, India, Kadazan dan Iban.

Malah, katanya, ahli politik turut mengadakan rumah terbuka dan beliau sendiri pernah dikunjungi sehingga 70,000 orang dan bersalam dengan 30,000 tetamu pada majlis yang dianjurkannya.

"Saya berdiri dari jam 9 pagi hingga 8 malam untuk bersalam dan menyambut tetamu. Konsep rumah terbuka ini baik kerana kita dapat bertemu dan mengenali ramai orang termasuk pembangkang.

"Sebab itu kita berpendapat semangat ini sesuai diperluaskan pada dialog ini bagi membolehkan kita meningkatkan lagi persefahaman kerana kita dapat mengenali dan mendengar pandangan semua orang dan juga memberi pendapat kita," katanya.